




*Khutbah Jumaat 17 Disember 2021M / 12 Jumadal Ula 1443H: "Sayangi Anak Yatim"  
Jabatan Agama Islam Selangor*

# **MANUAL KHUTBAH JUMAAT**

**TAJUK;  
SAYANGI  
ANAK YATIM**



Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





## **"SAYANGI ANAK YATIM".1**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلٍ: وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحُ لَهُمْ خَيْرٌ<sup>ص</sup>

2

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقَوْيَ اللَّهُ فَقَدْ

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ

١٠٢

إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan sekalian, marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Ketahuilah bahawa antara ciri-ciri orang yang bertakwa adalah mengasihi saudara-saudara seagama dengannya sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri.

5

Hayatilah khutbah pada hari ini yang bertajuk "**SAYANGI ANAK YATIM**".

6

**Hadirin Jumaat Sekalian,**



Perkataan yatim disebut sebanyak 23 kali dalam al-Quran dan ia pasti memberi satu isyarat jelas kepada umat Islam bahawa mereka perlu memberikan perhatian serta pembelaan untuk membolehkan anak yatim hidup dengan selesa dan sempurna seperti orang lain yang mempunyai ayah dan ibu. Maka dengan sebab itu, Islam sangat memuliakan orang yang bersedekah atau menginfakkan hartanya terutama kepada anak yatim yang memerlukan.

7

Firman Allah SWT dalam surah al-Balad ayat 12-16;

وَمَا أَدْرَكَ مَا الْعَقَبَةُ ۝ أَوْ رَقَبَةٌ ۝ فَكُلْ رَقَبَةً ۝ فَمَا أَدْرَكَ مَا الْعَقَبَةُ ۝ أَوْ مِسْكِينًا ۝ يَتِيمًا ۝ ذَا مَقْرَبَةِ ۝ مَسْغَبَةٍ ۝ يَتِيمًا ۝ ذَا مَقْرَبَةِ ۝

8

*"Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui: Apa dia amal-amal yang tinggi darjatnya disisi Tuhan itu? (Di antaranya amal-amal itu bagi orang yang mampu) ialah memerdekaan hamba abdi; atau memberi makan pada hari kelaparan; (berinfak) kepada anak yatim dari kaum kerabat; atau kepada orang miskin yang terlantar di atas tanah."*

9

**Hadirin muslimin sekalian,**

Mutakhir ini kita amat merasai kesan daripada Pendemik Covid 19, dan dapatan bincian yang telah dilaksanakan oleh Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) Pendemik Covid 19 telah meragut nyawa ramai ketua keluarga dan meninggalkan anak-anak menjadi yatim dalam sekilip mata. Seramai 1,403 orang pelajar daripada 1,020 buah keluarga dalam Negeri Selangor yang telah menjadi yatim dan ianya juga termasuk Bukan Islam.

10



Mendepani situasi ini, Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah melancarkan pelbagai inisiatif untuk membantu anak-anak yatim ini. Pada 8 Oktober 2021 yang lalu YIDE telah melancarkan Bulan Anak Yatim sepanjang Bulan Rabiul Awwal sempena memuliakan Bulan Kelahiran Nabi Muhammad SAW yang juga adalah merupakan seorang anak yatim. Peruntukan bantuan kewangan 'one off' (*sekali sahaja*) sebanyak RM 500.00 bagi setiap keluarga anak yatim kepada 549 keluarga dengan peruntukan sebanyak RM 274,500.00 telah diserahkan secara berperingkat kepada penerimanya.

11

Tambahan lagi bantuan persekolahan setiap anak yatim sebanyak RM 200.00 setahun akan disumbangkan kepada 794 pelajar anak yatim dengan peruntukan sebanyak RM158,800 setahun.

YIDE telah memperuntukkan RM 126,300.00 untuk tambah nilai prabayar bagi 4,210 orang anak yatim bagi mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang telah bermula pada bulan Ogos yang lalu.

**Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

---

Di sebalik keadaan ekonomi yang terjejas dan ramai kehilangan pekerjaan, ianya secara tidak langsung juga memberikan cabaran kepada 19 buah rumah anak-anak yatim yang berdaftar di bawah seliaan YIDE di Negeri Selangor.

12

Sejumlah RM 677,000.00 sumbangan dana telah diagihkan kepada 19 buah rumah kebajikan seliaan YIDE bagi tujuan kos-kos pengurusan seliaan rumah tersebut. YIDE juga telah memperuntukkan RM 38,135.00 bagi membiayai bil-bil utiliti iaitu Elektrik dan Air semasa PKP 3.0 yang lalu.

**Muslimin sidang jemaah yang dirahmati Allah sekalian,**



Berpadanan dengan ujian berat yang dihadapi oleh anak-anak yatim, Allah SWT menggantikan ujian tersebut dengan mengangkat darjat mereka. Perintah terhadap menjaga anak-anak yatim, sangat ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya dan Rasulullah SAW dalam sabdanya. Kelebihan yang besar bagi orang yang memelihara anak yatim, manakala amaran keras bagi orang yang menzalimi mereka. Ini menunjukkan bahawa anak-anak yatim sangat perlu disantuni dan dipelihara dengan baik.

13

Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahiu'anhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang memelihara anak yatim dan memberinya makan dan minum nescaya Allah akan memasukkannya ke dalam syurga kecuali jika dia melakukan dosa yang tidak dapat diampuni."*

14

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Jika ada sesiapa yang menzalimi anak-anak yatim dan memakan harta anak yatim, maka Allah memberi peringatan tegas dengan firman-Nya dalam surah Al-Nisa' ayat 10:

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ  
نَارًا وَسَيَصْلُوْنَ سَعِيرًا

15

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka; dan mereka pula akan masuk ke dalam api neraka yang menyala-nyala.

16



Hadis daripada Sahl bin Sa'ad Radiallahu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَا وَكَافِلُ الْيَتِيمِ فِي الْجَنَّةِ هَكَذَا وَأَشَارَ بِالسَّبَابَةِ وَالْوُسْطَى

17

“Aku dan orang yang menanggung anak yatim (kedudukannya) di syurga seperti ini”, baginda mengisyaratkan jari telunjuk dan jari tengah bagi meberitahu bahwa jarak orang yang berinfaq kepada anak yatim jaraknya seperti dua jari tersebut dengan baginda di akhirat kelak.”

18

(Riwayat al-Bukhari).

Antara yang menerima ujian daripada Allah SWT dalam menjalani kehidupan di dunia ini adalah kanak-kanak yang kehilangan ibu bapa. Mereka hilang tempat bergantung, tempat mengadu, tempat berkasih sayang, seolah-olah telah hilang segala-galanya dalam kehidupan mereka. Jangan dikatakan hilang ibu dan bapa, hilang duit, hilang barang kesayangan pun, kita sudah tidak keruan. Apatah lagi ibu bapa yang tiada galang gantinya.

19

Justeru, pihak YIDE mengajak semua jemaah agar bersama-sama menyantuni anak-anak yatim dengan memberi sokongan moral dan fizikal agar anak-anak yatim ini dapat merasai kasih sayang seorang ayah yang mereka tidak perolehi.

20

**Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**



Amalan bersedekah juga boleh menghapuskan dosa-dosa kecil sebagaimana hadis daripada Muaz bin Jabal Radhiallhu'anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Dan sedekah melenyapkan kesalahan (dosa) sebagaimana air memadamkan api."*

21

*(Riwayat al-Tirmizi).*

Malah bukan itu sahaja, bersedekah atau berinfak tidak akan menjadikan seseorang itu miskin bahkan mempermudahkan ia memperoleh sumber rezeki. Firman Allah SWT dalam surah Saba' ayat 39 yang bermaksud:

*"Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya Tuhanmu memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya, dan la juga yang menyempitkan baginya; dan apa sahaja yang kamu dermakan maka Allah akan menggantikannya; dan Dia lah jua sebaik-baik Pemberi rezeki"*

22

**Muslimin, tetamu Allah yang dirahmati sekalian,**

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) telah menyediakan medium yang sangat mudah kepada masyarakat turut serta menyahut seruan Ilahi membantu meringankan beban anak-anak yatim. Terkadang kita tidak mampu menyumbang masa, menyumbang tenaga ataupun idea, maka sumbangan kewangan adalah caranya. Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahu'anhu:

23

إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ  
أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوهُ



*"Apabila seorang anak Adam mati, putuslah amalnya kecuali tiga perkara sedekah jariah atau ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain atau anak yang soleh yang berdoa untuknya."*

24

*(Riwayat Muslim).*

Oleh yang demikian, khatib mengajak semua masyarakat untuk bersama-sama Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) dalam menjaga kebajikan anak yatim khususnya di negeri Selangor.

Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) membuka peluang kepada orang ramai yang berhasrat untuk turut memberi sumbangan berbentuk wang ringgit melalui "Infaq Dana". Bagi memudahkan urusan, Infaq Dana boleh diakses melalui atas talian iaitu di laman web rasmi [www.yide.com.my](http://www.yide.com.my) dan melalui platform digital tertentu seperti Touch n Go E Wallet, Jom Pay Snap N Pay Bank Islam sehingga di Shoppe turut ada untuk orang ramai menyumbang. YIDE turut menyeru kepada orang ramai untuk berinfaq melalui potongan gaji dan boleh terus menghubungi ibu pejabat YIDE bagi tujuan tersebut.

25

Sumbangan orang ramai adalah untuk membina masa hadapan anak-anak yatim dan setiap sen sumbangan kepada Yayasan Islam Darul Ehsan adalah 100% disumbangkan kepada anak-anak yatim ini.

Dana ini akan disalurkan kepada perbelanjaan asas untuk anak-anak yatim dan seterusnya bagi menampung perbelanjaan Pembangunan Kompleks Anak Yatim Pulau Indah.



Oleh itu, marilah sama-sama kita bertekad dan beristiqamah dalam membantu anak yatim ini. Hulurkan sumbangan dalam bentuk barang, spiritual dan tenaga tanpa mengira bulan, hari dan waktu agar sumbangan yang disalurkan dapat meringankan beban mereka. Mudah-mudahan ia menjadi bekalan bagi kita apabila menghadap Ilahi kelak.

26

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita ambil pengajaran dan penghayatan untuk dijadikan pedoman dalam hidup kita:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa mengasihi anak-anak yatim adalah perintah daripada Allah SWT kepada semua umat manusia.
2. Umat Islam hendaklah sedar bahawa hidup dalam keadaan yatim adalah satu ujian kepada kita untuk membantu mereka.
3. Umat Islam hendaklah sedar bahawa tanggungjawab dalam membantu anak-anak yatim merupakan tanggungjawab besar dan akan mendapat ganjaran besar di sisi Allah SWT.

27

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَرَعِيهَا لَذِكْرَهُ يُكَذِّبُ بِاللَّذِينَ ۝ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ عَلَيْهِ الْيَتَمَ ۝ وَلَا  
يَحْضُرُ عَلَىٰ طَعَامِ الْمِسْكِينِ ۝

28

*"Tahukah engkau akan orang yang mendustakan ugama (meliputi hari pembalasan)? Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim. Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin."*

29

*(Surah al-Ma'un : 1-3).*



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنَّ لَّا  
إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ

1

وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

2

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَقَوَّى اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

3

Sekali lagi khatib ingin mengingatkan supaya sama-sama kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dengan mengawasi diri dan keluarga kita daripada perbuatan keji dan maksiat. Dalam masa yang sama kita terus berdoa agar seluruh negara kita sentiasa dirahmati dan dilindungi daripada segala bentuk ancaman serta penularan wabak Covid-19.

5

Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-hamba Allah yang bersabar ketika menempuh segala penyakit yang menimpa, berdisiplin dengan sentiasa mematuhi SOP dan ambillah pengajaran atas apa yang berlaku, berhati-hati dan beringatlah selalu walau kita diberi kebebasan untuk bergerak. Ini kerana Negara masih memerangi wabak Covid-19 ini demi keselamatan diri kita serta masyarakat keseluruhannya.

6

Bagi yang terkesan dengan wabak ini, janganlah mengambil jalan mudah dengan memudarati dan menyakiti diri sendiri. Kita mestilah berjiwa besar, sabar dan kuat mental serta fizikal berdasarkan keimanan yang mantap.

7



Marilah sama-sama kita memperbanyakkan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW kerana perintah Allah dalam firman-Nya :

8

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتَهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا يُهْبِهَا الَّذِينَ عَامَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ⑥

9

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ  
عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

10

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

11

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكِ الْكَفَرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

12

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِاسْمَائِكَ  
الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَى، أَنْ تَحْفَظْ بِعِينِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحَفْظِ  
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،

13

جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ  
شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ.

14



اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَليٍ  
عَهْدِ سلاطُور، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفَ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ  
الْحَاجِ،

15

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمِنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ  
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ  
الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

16

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.

17

Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu

18

Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).

19



<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، إِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَادِ وَالْمِحَنَّ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	20
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتَنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَاماً. رَبَّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	21
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٦﴾</p>	22
<p>فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَدِكُرُ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	23